

Kakitangan awam digalak menabung

YANG di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin menasihatkan kakitangan awam yang menerima kenaikan gaji dan pencen mulai Julai supaya meningkatkan tabungan untuk persediaan masa depan. Dalam titah ucapan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi baginda, Seri Paduka juga berharap tambahan pendapatan itu dapat menyuntik semangat baru seluruh warga perkhidmatan awam dalam menambah kualiti dan meningkatkan produktiviti serta mutu perkhidmatan.

Nasihat Seri Paduka kepada kakitangan kerajaan itu amat wajar diberi perhatian kerana menabung adalah amalan mulia. Di negara ini, pelbagai kaedah menabung boleh diaplikasikan mengikut keperluan dan kemampuan pengguna.

Contohnya, pengguna boleh menabung dalam akaun simpanan di bank perdagangan. Jenis tabungan ini adalah salah satu jenis tabungan paling biasa dan popular. Pengguna yang meminati jenis tabungan berisiko rendah boleh menyimpan wang melalui simpanan dalam unit amanah seperti Amanah Saham Bumiputra (ASB) yang memberikan faedah baik.

Pengguna digalakkan menambah jumlah tabungan apabila mempunyai kemampuan seperti mendapat kenaikan gaji atau bonus.

Antara matlamat utama menabung ialah untuk jaminan masa depan. Pengguna juga boleh menabung melalui skim insurans. Seperti bentuk tabungan yang lain, pengguna boleh meningkatkan jumlah tabungan. Faedah insurans pelbagai.

Selain daripada membantu dari segi tabungan, insurans juga mempunyai pelbagai kemudahan lain seperti kemudahan hospital dan ganti rugi kemalangan dan kematian. Insurans yang memberi perlindungan secara Islam boleh didapati melalui kemudahan takaful.

Pengguna yang merancang untuk menunaikan haji boleh menabung di Lembaga Tabung Haji. Skim simpanan di Tabung Haji amat mudah jika pengguna ingin meningkatkan jumlah tabungannya. Tabungan juga dilakukan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi individu yang bekerja. Ia adalah ta-

bungan yang akan dimanfaatkan oleh seseorang pekerja apabila menamatkan perkhidmatannya dalam sesuatu pekerjaan.

Pelbagai cara disediakan untuk menggalakkan pengguna menabung serta meningkatkan jumlah tabungan. Pengguna boleh memilih yang mana dirasakan terbaik. Bagaimanapun, masih ramai yang kurang gemar menabung atau menambahkan jumlah tabungan dengan memberi pelbagai alasan.

Antara alasan yang sering kedengaran ialah wang yang tidak mencukupi dan terpaksa menyara keluarga yang besar. Selain daripada itu, taraf hidup yang tinggi juga dijadikan alasan untuk tidak menambah jumlah tabungan.

Faktor yang dikatakan menjadi punca sikap kurang gemar menambah jumlah tabungan adalah sifat individu yang tidak mempunyai kesedaran mengenai kepentingan menabung dalam kehidupan.

Lantaran itu, kesedaran di kalangan mereka yang kurang gemar menabung perlu dipupuk. Kesedaran ini perlu dipupuk dalam diri untuk menjamin masa depan. Belanjawan peribadi boleh dijadikan panduan perbelanjaan individu.

Ia bukan setakat belanjawan. Apa yang paling penting ialah belanjawan ini harus diikuti dengan penuh disiplin untuk memastikan tidak berlakunya lebihan perbelanjaan berbanding pendapatan.

Dalam usaha meningkatkan jumlah tabungan, pengguna boleh mempelajari dan turut serta dalam skim tabungan yang menguntungkan. Pengguna yang mempunyai kurang aliran tunai boleh memilih skim yang menawarkan tabungan berisiko rendah.

Menabung atau menambah jumlah tabungan untuk persediaan masa depan adalah amat penting. Kenaikan gaji kakitangan awam boleh digunakan untuk menambahkan jumlah tabungan di samping menambahkan kualiti dan produktiviti serta mutu perkhidmatan mereka.

SAPORA SIPON

Fakulti Kepimpinan

dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM).